



**KENYATAAN MEDIA**

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ  
MENTERI KEWANGAN**

**LAPORAN LAKSANA KE-37**

**PELAKSANAAN  
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),  
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &  
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

**20 Januari 2021**



**PENGENALAN**

Laporan **LAKSANA ke-36** ini akan menyentuh status pelaksanaan **BELANJAWAN 2021, PERMAI, PENJANA** dan **KITA PRIHATIN**, serta ulasan isu semasa. Status pelaksanaan inisiatif **PRIHATIN** pula boleh didapati di Lampiran 1.

**BELANJAWAN 2021 dan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI)**

1. Pada 18 Januari 2021, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sebuah Pakej Bantuan **Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI)** dengan peruntukan Kerajaan bernilai RM15 bilion. Terdapat **22 inisiatif di bawah PERMAI** yang antara lain melibatkan penambahbaikan beberapa langkah-langkah pakej rangsangan ekonomi dan Belanjawan 2021 berikutan pelaksanaan pelbagai jenis **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**, serta bencana banjir yang telah menjejaskan beberapa negeri di seluruh Malaysia.
2. PERMAI mempunyai 3 matlamat utama, dengan peruntukan seperti berikut:

Matlamat	Peruntukan Fiskal Keseluruhan (RM Juta)
<b>Memerangi Wabak COVID-19</b>	4,250
Memelihara Kebajikan Rakyat	6,381
<b>Menyokong Kelangsungan Perniagaan</b>	4,727
<b>JUMLAH</b>	<b>15,358</b>

3. Perhalusan inisiatif melalui PERMAI sedia ada adalah dari segi:
  - a. **Peruntukan baharu**; atau
  - b. **Mempercepatkan penyampaian inisiatif**; atau
  - c. **Memperluaskan skop penyampaian, termasuk kelonggaran syarat**, atau
  - d. **Memperkenalkan beberapa inisiatif baharu**.
4. **Rasional Pakej Bantuan PERMAI ini bertujuan untuk *bridge some gaps*, kerana bencana banjir yang teruk dan pelaksanaan PKP di hampir seluruh negara tentu sekali tidak termasuk di dalam perancangan Belanjawan 2021 semasa ianya dibentangkan di Parlimen pada 6 November 2020.**
5. Kerajaan juga ingin mengingatkan bahawa **langkah-langkah di bawah Belanjawan 2021, yang kesemuanya bernilai RM322.5 bilion, baru sahaja mula dilaksanakan**. Sehubungan itu, PERMAI membuktikan komitmen Kerajaan yang sentiasa mendengar dan tidak berkompromi dalam menyelamatkan nyawa dan memastikan punca rezeki rakyat dan perniagaan, terutamanya PKS, sentiasa terbela.
6. Melindungi nyawa rakyat adalah menjadi keutamaan Kerajaan ekoran kadar jangkitan harian yang masih tinggi. Justeru, strategi penambahbaikan di bawah PERMAI digubal dari pelbagai segi iaitu:
  - a. **Pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan** bernilai RM3 bilion;
  - b. **Pengukuhan sistem kesihatan negara** dari segi:
    - i. penambahan 3,500 anggota kesihatan bagi bulan Januari. Kerajaan akan menambah lagi jika perlu;
    - ii. penglibatan hospital swasta dengan peruntukan RM100 juta;
  - c. **Program pencegahan jangkitan yang diperkuatkan** dari segi SOP ketat untuk penginapan dan kawala pergerakan pekerja serta ujian saringan pekerja asing yang akan ditanggung oleh PERKESO;
  - d. **Skop pelepasan cukai** bagi pemeriksaan kesihatan penuh, termasuk yang baharu diumumkan pada 19 Januari iaitu **potongan cukai dua kali diberi ke atas bayaran ujian pengesanan COVID-19 yang ditanggung oleh majikan dari tempoh 1 Januari sehingga 31 Disember 2021**.
7. Seterusnya, **dari segi permohonan i-Sinar KWSP, setakat 20 Januari 2021, KWSP telah menerima 4.8 juta permohonan di bawah Kategori 1, di mana 3.18 juta permohonan, bernilai RM25.3 bilion, telah pun diluluskan. Ahli-ahli yang lulus telahpun mula menerima jumlah keseluruhan RM13 bilion pada bulan Januari ini. Baki permohonan lain sedang diproses oleh KWSP.**
8. Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Januari, bagi menambah baik kemudahan i-Sinar, terutamanya bagi mereka yang menghadapi cabaran akibat PKP dan bencana banjir, **KWSP akan membuat bayaran interim sehingga RM1,000 bagi pemohon i-Sinar Kategori 2. Proses pengeluaran i-Sinar Kategori 2 juga dipermudahkan di mana ahli hanya perlu mengisytiharkan secara sendiri bahawa mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan dan dokumen sokongan boleh dihantar secara dalam talian dan semakan akan dibuat kemudian**. Kerajaan juga telah meminta KWSP memudahkan proses bayaran interim ini, yang akan dibuat mulai 26 Januari.

9. Terdapat juga **pelbagai langkah-langkah lain serta peruntukan dari agensi-agensi Kerajaan yang tidak termasuk di dalam suntikan fiskal Kerajaan** seperti:
- a. Moratorium bayaran balik PTPTN;
  - b. Moratorium bayaran balik atau penjadualan semula pinjaman MARA;
  - c. Pengurangan sewa premis MARA sebanyak 30%;
  - d. Diskaun khas 10% bagi bil elektrik kepada enam sektor perniagaan yang terpilih di seluruh negara;
  - e. Rebat elektrik kepada semua pengguna TNB, domestik dan bukan domestik, yang akan mendapat manfaat penurunan bil elektrik sehingga 9%;
  - f. Mempercepatkan pelaksanaan skim mikrokredit BSN, Agrobank dan TEKUN; dan
  - g. Pelbagai insentif pelepasan cukai.
10. Berikut adalah contoh manfaat dari Empat Pakej Rangsangan Ekonomi, Belanjawan 2021 dan PERMAI:
- a. **Encik Kumar dari Pulau Pinang merupakan seorang pengusaha syarikat pelancongan dan mempunyai 3 orang pekerja.** Perniagaan beliau terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Encik Kumar layak untuk mendapat bantuan antaranya pembayaran pinjaman bersasar dan program subsidi upah bersasar untuk perniagaannya. Beliau juga layak mendapat pinjaman dari Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India oleh TEKUN. Secara keseluruhan, jumlah yang diterima oleh Encik Kumar secara langsung, termasuk bantuan untuk mengekalkan 3 orang pekerjanya dianggarkan mencecah RM14,400.
  - b. **Kak Zu dari Machang, yang merupakan seorang ibu tunggal kepada empat orang anak.** Beliau juga adalah penerima bantuan JKM dan tersenarai dalam e-Kasih. Rumahnya termasuk dalam zon merah di bawah PKP. Selain daripada bantuan JKM sedia ada, bagi membantu keluarga Kak Zu dalam mengharungi cabaran ini, keluarganya akan menerima Bakul Makanan bernilai RM100 ringgit dan Bantuan Prihatin Rakyat juga akan dipercepatkan. Secara keseluruhan, Kak Zu akan menerima manfaat bantuan sehingga RM10,400 pada tahun 2020.
  - c. **Encik Chua, seorang graduan muda dari Tawau yang baru mendapat pekerjaan.** Beliau telah diambil bekerja di bawah Program Pengambilan Pekerjaan yang melayakkannya menerima elaun sebanyak RM1,000 bagi tempoh 3 bulan. Beliau juga dihantar mengikuti kursus profesional oleh majikannya. Beliau juga layak menerima moratorium bayaran balik pinjaman PTPTN selama 3 bulan dan pengurangan kadar caruman KWSP yang meningkatkan pendapatan tunai bulanan (*monthly disposable income*) beliau. Secara keseluruhan, Encik Chua layak menerima sehingga RM6,500 termasuk bantuan BPN 2.0 dan BPR.
11. Kerajaan juga telah melancarkan **sebuah portal interaktif Belanjawan 2021 bagi memudahkan rakyat dan perniagaan menyemak pelbagai bantuan langsung dan insentif yang layak dipohon** oleh mereka. Sama ada individu mahupun sektor perniagaan dijemput melayari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/> untuk

mendapatkan maklumat lanjut mengenai insentif-insentif tersebut dan cara-cara untuk memohonnya. Laman web tersebut juga memuatkan inisiatif-inisiatif di bawah PERMAI.

**PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)**

12. Bagi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu, **Memperkasakan Rakyat; Melonjakkan Perniagaan; dan Merangsang Ekonomi.**

**PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT**

13. **Program Subsidi Upah (PSU) 1.0:** Sehingga 30 September 2020 iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Setakat 8 Januari, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai **RM12.686 bilion.**

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
<b>8 Januari</b>	<b>12.686</b>	<b>2.640</b>	<b>322,177</b>
1 Januari	12.682	2.640	322,177
25 Disember	12.682	2.640	322,177
27 November	12.524	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

\*Jumlah kumulatif

14. **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan:** Setakat 8 Januari, seramai **129,004 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Butirannya adalah seperti berikut:

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
<b>8 Januari</b>	<b>102,972</b>	<b>17,403</b>	<b>7,325***</b>	<b>1,304***</b>	<b>129,004</b>
1 Januari	102,657	17,395	7,382**	1,345	128,779
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

\*Jumlah Kumulatif

\*\* Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh kelewatan masa (time lag) antara Penjana 1.0 yang telah tamat pada 21 Disember 2020 dengan Penjana 2.0 yang dilancarkan pada 4 Januari 2021.

\*\*\* Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

15. **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran:** Setakat 8 Januari, seramai **134,137 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang tertera di bawah, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	<b>Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)</b>	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place &amp; Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>

2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	INSKEN <i>Business Training</i>
		Program <i>Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER)	<i>ETEP Enhanced Train&amp; Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

16. **Subsidi pengangkutan awam MY30:** Setakat 8 Januari, sebanyak RM127.74 juta telah disalurkan bagi langgan 751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had bernilai RM30 ini, yang disediakan khusus untuk warganegara Malaysia (tiada peningkatan berbanding minggu sebelumnya). Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat.

**PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN**

17. **Pembiayaan PKS PENJANA**: Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat 8 Januari, status permohonan adalah seperti berikut:

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
<b>8 Januari</b>	<b>6,139</b>	<b>1,180.3</b>
1 Januari	5,976	1,149.1
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

\*Jumlah Kumulatif

18. **Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA (peruntukan RM1 bilion bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19)**: Setakat 8 Januari, terdapat **567 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **271 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM54.9 juta** (berbanding 272 permohonan dengan nilai RM54.8 juta pada minggu sebelumnya – pengurangan adalah disebabkan pembatalan beberapa permohonan sebelum ini).
19. **Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN)**: Setakat 8 Januari, **RM320 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **9,358 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
<b>8 Januari</b>	<b>9,358</b>	<b>320.0</b>
1 Januari	8,936	307.2
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

\*Jumlah Kumulatif

20. **Bumiputera Relief Financing (BRF) berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB)**: Bantuan dana ini adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta**. Setakat 8 Januari, dana ini telah disalurkan kepada **389 PKS** melibatkan jumlah **RM105.6 juta** (berbanding 356 PKS dengan jumlah RM94.2 juta pada minggu sebelumnya).

**PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI**

21. **Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan bagi petani, peladang dan nelayan**: Daripada jumlah peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank**. Setakat **8 Januari**, sebanyak **RM71.3 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **6,748 PKS Mikro pertanian** (berbanding 6,325 PKS Mikro pertanian dengan jumlah RM64.7 juta pada minggu sebelumnya).

**KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)**

22. **Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0)**: Seperti yang dimaklumkan, Fasa Kedua BPN 2.0 akan disalurkan seawal 21 Januari 2021 bagi penerima B40 dan 25 Januari bagi penerima M40. Ini termasuk mereka yang telah lulus rayuan. Bagi mereka yang tiada akaun bank atau yang gagal kredit, penunaian boleh dilakukan di Bank Simpanan Nasional (BSN) seawal 25 Januari. Secara keseluruhannya, fasa kedua BPN 2.0 akan meletakkan RM2.38 bilion ke dalam tangan lebih 11.06 juta penerima, merangkumi 5.82 juta penerima individu bujang serta 5.24 juta penerima isi rumah.
23. **Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0**: Proses semakan permohonan baru dan rayuan sedang melalui proses semak silang antara LHDN dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan keputusan akan diumumkan dalam masa terdekat.
24. **Program Subsidi Upah (PSU 2.0)**: Setakat **8 Januari**, sejumlah **RM590.35 juta** telah disalurkan kepada **57,146 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **475,510 pekerja**. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

*PSU 2.0*

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
<b>8 Disember</b>	<b>590.35</b>	<b>475,510</b>	<b>57,146</b>
1 Januari	457.14	445,255	52,998
25 Disember	418.67	420,193	51,022
18 Disember	239.73	307,420	39,203
11 Disember	239.73	307,420	39,203
4 Disember	239.73	307,420	39,203
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

\*Jumlah Kumulatif



**ULASAN ISU SEMASA - Formula Tepat Pemulihan Kesihatan Awam dan Ekonomi**

25. Pada 20 Januari, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) telah memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate atau OPR) pada kadar 1.75 peratus. Keputusan ini dikira berpatutan memandangkan pelbagai kemudahan Kerajaan menerusi pakej-pakej PENJANA dan KITA PRIHATIN, serta Belanjawan 2021 masih lagi berterusan atau akan dilaksanakan. Langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan termasuk moratorium pinjaman, geran khas, Program Subsidi Upah dan pembiayaan mudah kepada PKS.
26. Tambahan pula, BNM juga telah mengumumkan perlanjutan fleksibiliti bagi institusi perbankan menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) untuk memenuhi pematuhan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sehingga 31 Disember 2022. Secara ringkasnya, langkah ini akan memastikan mudah tunai adalah mencukupi bagi menyokong aktiviti kewangan dan ekonomi.
27. **Gabungan keputusan mengenai OPR dan SRR dengan inisiatif-inisiatif Belanjawan 2021 dan PERMAI** – seperti mempercepatkan perolehan vaksin dan menggalakkan ujian saringan pekerja – **adalah dilihat sebagai formula yang tepat bagi meletakkan Malaysia di landasan pemulihan**, baik dari segi kesihatan awam, mahupun ekonomi, Insyallah.
28. **Yang penting sekali, kesemua langkah-langkah ini perlu lihat secara keseluruhan, bukan secara persendirian.** *All these measures and decisions MUST be looked at in totality, NOT in isolation.* Contohnya, dari segi Program Subsidi Upah:
  - a. Hampir **RM13 bilion telah disalurkan pada tahun 2020 di bawah PSU 1.0 dan PSU 2.0**, dengan baki peruntukan RM2 bilion akan disalurkan pada tahun 2021;
  - b. Di samping itu, **PSU bersasar bernilai RM1.5 bilion** diumumkan bagi sektor pelancongan dan peruncitan melalui **Belanjawan 2021**;
  - c. Kerajaan akan menambah **RM1 billion bagi PSU 3.0 di bawah PERMAI**, yang merangkumi semua sektor terkesan PKP. Selepas PERMAI diumumkan, PKP telah dilaksanakan di semua negeri di Malaysia, kecuali Sarawak.
29. Selain itu, di bawah PERMAI, langkah-langkah terbaharu termasuk diskaun elektrik khas dan diskaun umum, serta inisiatif untuk mengurangkan kadar sewa juga diberi.
30. Sila layari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/> seperti yang diumumkan sebelum ini, bagi menyemak manfaat-manfaat yang disediakan.

**PENUTUP**

31. Kerajaan tetap akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membendung wabak COVID-19 dan memastikan proses pemulihan ekonomi dapat diteruskan.

**YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz**  
**Menteri Kewangan**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**21 Januari 2021**

## LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	<b>Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</b>	Setakat <b>8 Januari 2021</b> , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak <b>RM14.77 bilion</b> (tiada peningkatan berbanding minggu sebelumnya) dan melibatkan <b>4.93 juta penerima</b> (tiada peningkatan berbanding minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan <b>Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS)</b> yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: <a href="https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service">https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service</a>
2.	<b>Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)</b>	<p>a. Setakat <b>8 Januari 2021</b>, sebanyak <b>RM480.26 juta telah disalurkan berdasarkan 1,422,684 tuntutan</b> (berbanding RM479.83 juta melibatkan 1,420,509 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19.</p> <p>b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>
3.	<b>Diskaun bil elektrik</b>	<p>a. Setakat <b>8 Januari 2021</b>, sebanyak <b>RM2.16 bilion dalam bentuk diskaun bil elektrik</b> telah disalurkan kepada <b>8.6 juta pengguna domestik</b> tenaga elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Bhd.</p> <p>b. Diskaun bil elektrik ini adalah lanjutan daripada Bantuan PRIHATIN Elektrik yang diperkenalkan semasa Pakej PRIHATIN. Diskaun yang diberikan adalah pada kadar antara 2 peratus ke 50 peratus berdasarkan kadar penggunaan, dan inisiatif ini disediakan sehingga 31 Disember 2020.</p>

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																						
4.	<b>Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)</b>	<p>Setakat <b>8 Januari 2021</b>, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah <b>RM11.58 bilion</b> yang akan memberi manfaat kepada <b>24,564 PKS</b>. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation &amp; Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF).</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th> <th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th> <th>Jumlah PKS*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>8 Januari</b></td> <td><b>11.58</b></td> <td><b>24,564</b></td> </tr> <tr> <td>1 Januari</td> <td>11.54</td> <td>24,519</td> </tr> <tr> <td>25 Disember</td> <td>11.29</td> <td>24,012</td> </tr> <tr> <td>27 November</td> <td>11.13</td> <td>23,711</td> </tr> <tr> <td>30 Oktober</td> <td>10.87</td> <td>23,305</td> </tr> <tr> <td>25 September</td> <td>10.67</td> <td>22,984</td> </tr> <tr> <td>28 Ogos</td> <td>10.3</td> <td>22,440</td> </tr> <tr> <td>Julai</td> <td>9.6</td> <td>21,410</td> </tr> <tr> <td>Jun</td> <td>8.4</td> <td>19,539</td> </tr> <tr> <td>Mei</td> <td>6.9</td> <td>16,833</td> </tr> <tr> <td>April</td> <td>1.5</td> <td>3,636</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>*Jumlah Kumulatif</i></p> <p>Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti <b>ADF</b>, <b>AES</b> dan <b>AF</b>. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui <b>platform imSME</b> di pautan <a href="https://imsme.com.my/portal/bm/">https://imsme.com.my/portal/bm/</a> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.</p>	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	<b>8 Januari</b>	<b>11.58</b>	<b>24,564</b>	1 Januari	11.54	24,519	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																				
<b>8 Januari</b>	<b>11.58</b>	<b>24,564</b>																																				
1 Januari	11.54	24,519																																				
25 Disember	11.29	24,012																																				
27 November	11.13	23,711																																				
30 Oktober	10.87	23,305																																				
25 September	10.67	22,984																																				
28 Ogos	10.3	22,440																																				
Julai	9.6	21,410																																				
Jun	8.4	19,539																																				
Mei	6.9	16,833																																				
April	1.5	3,636																																				